



18 JUL, 2023

Kastam kutip RM28.13 bilion cukai

Berita Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam kutip RM28.13 bilion cukai

Hasil lebih tinggi setakat ini permudah salur bantuan rakyat

Oleh Mohd Zaky Zainuddin
zaky@bh.com.my

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengutip cukai RM28.13 bilion setakat semalam (17 Julai), 3.6 peratus lebih tinggi berbanding kutipan tempoh sama 2022 berjumlah RM27.16 bilion.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata hasil kutipan lebih tinggi itu membolehkan kerajaan merencan pelbagai bantuan tambahan kepada rakyat.

"Dengan kutipan lebih tinggi, pelbagai bantuan kerajaan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) dapat diteruskan pada masa akan datang.

"Untuk lanjutan SARA pula, kita tunggu pembentangan Belanjawan 2024 pada 13 Oktober ini.

"Kita mengharapkan ia akan dilanjutkan untuk membantu rakyat," katanya kepada media selepas merasmikan pelancaran Program Handholding Indirect Tax & Voluntary Disclosure (VDP) di Putrajaya, semalam.

Turut hadir, Ketua Setiausaha



Ahmad bersama Johan (tiga dari kiri) dan Zazuli (dua dari kiri) selepas merasmikan pelancaran Program Handholding Indirect Tax & Voluntary Disclosure di Putrajaya, semalam.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Perbendaharaan Kementerian Kewangan, Datuk Johan Mahmood Merican dan Ketua Pengarah Kastam, Datuk Zazuli Johan.

SARA bukan gula-gula PRN
Sementara itu, Ahmad berkata, penyaluran SARA bukan 'gula-gula' politik untuk Pilihan Raya Negeri (PRN) yang berlangsung tidak lama lagi.

"Jika nak kata ini gula-gula,

hari ini belum lagi tempoh 29 Julai hingga 12 Ogos (kempen PRN), saya kira tiadalah pengumuman seperti ini dalam tempoh itu.

"Kita umum awal sebelum tarikh itu (kempen PRN). Kalau orang nak kata itu gula-gula sebenarnya kita sudah umum awal iaitu pada 24 Februari lalu (Belanjawan 2023)," katanya.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan kelmarin berkata,

lebih 210,000 penerima STR dalam kategori miskin tegar berdasarkan data e-Kasih bakal menerima SARA mulai semalam.

SARA adalah sumbangan tunai RM100 sebulan dengan jumlah keseluruhan RM600 bagi tempoh Julai hingga Disember 2023 seperti diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada majlis Sesi Libat Urus Belanjawan 2024, Jumaat lalu.

Penerima dari lapan negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan, Kelantan dan Terengganu akan menerima RM100 yang dikreditkan menerusi Mykad penerima.

Penerima di Perlis, Perak, Pahang, Melaka dan Johor akan menerima SARA bulanan RM100 pada 31 Julai ini.

Penerima di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan pula pada 7 Ogos, tetapi bantuan disalurkan sekali gus RM600 yang dikreditkan ke akaun Bank Simpanan Nasional (BSN).

Kerajaan Perpaduan telah memperuntukkan hampir RM130 juta di bawah inisiatif Payung Rahmah untuk membantu golongan kurang berkemampuan, terutama kumpulan miskin tegar mendepani cabaran kos sara hidup.

Ahmad berkata, penerima SARA boleh berbelanja barangan keperluan termasuk beras, roti, telur, minyak masak, biskut, makanan dalam tin dan bahan perasa di 600 outlet tersenarai.

Katanya, bantuan bulanan RM100 kecuali Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan yang menerima bantuan sekali gus boleh dibawa ke hadapan jika tidak habis dibelanjakan pada bulan berkenaan.

"Penerima boleh semak butiran sama ada nama tersenarai di portal rasmi MyKasih dan STR," katanya.



18 JUL, 2023

Kastam kutip RM28.13 bilion cukai

Berita Harian, Malaysia



SUMMARIES

Hasil lebih tinggi setakat ini permudah salur bantuan rakyat

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mengutip cukai RM28.13 bilion setakat semalam (17 Julai), 3.6 peratus lebih tinggi berbanding kutipan tempoh sama 2022 berjumlah RM27.16 bilion. Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata hasil kutipan lebih tinggi itu membolehkan kerajaan merencana pelbagai bantuan tambahan kepada rakyat.